

12 JAN 1999

DPMM SAMBUT BAIK PELANTIKAN PAK LAH, DAIM

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan telah memantapkan lagi barisan kabinet untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik negara, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Tan Sri Tajudin Ramli.

Sambi menyambut baik pelantikan itu, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengemukakan barisan kabinet yang padu dan mantap.

"Negara amat memerlukan pasukan sedemikian rupa, lantaran penting dan perlunya barisan kepimpinan negara sepakat dan sewawasan dalam setiap langkah yang diambil untuk menangani masalah dan cabaran yang dihadapi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tajudin berkata beliau yakin Dr Mahathir dengan bantuan Abdullah dan Daim akan berjaya memulihkan ekonomi dengan lebih cepat dan mencapai suasana politik yang lebih stabil.

-- BERNAMA

MNY MAI